

05 MAR 1998

Mahathir-Kayu

MALAYSIA MENENTANG TINDAKAN MENGHADKAN PENGGUNAAN KAYU TROPIKA

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Malaysia menentang sebarang tindakan unilateral pasaran-pasaran utama untuk menghadkan atau memulaukan penggunaan kayu tropika, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan seperti itu menyebabkan hutan tiada lagi nilai sebagai sumber pendapatan dan seterusnya hutan-hutan akan ditebang bagi tujuan pertanian dan yang lain.

Dengan mengulangi sokongan Malaysia terhadap globalisasi dan peliberalan yang lebih dalam perdagangan dan pelaburan di peringkat serantau dan antarabangsa, beliau berkata tiada wang yang akan diperuntukan bagi memulihara hutan jika ia tidak lagi bernilai.

"Dengan lain perkataan, halangan dalam perdagangan produk kayu tidak akan membantu dalam mengurangkan kemusnahan hutan-hutan di negara-negara membangun.

"Sebenarnya, jika pasaran-pasaran utama berusaha menyediakan pasaran yang lebih besar dan nilai yang lebih tinggi bagi produk kayu, negara-negara pengeluar akan berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menguruskan hutan mereka secara berkekalan," kata Dr Mahathir semasa merasmikan Persidangan Kayu Antarabangsa 1998 di sini.

Dr Mahathir berkata, perdagangan dunia dalam produk hutan dianggarkan AS\$114 bilion dan terus meningkat dengan negara-negara maju menguasai perdagangan ini, iaitu 80 peratus daripada perdagangan kayu dunia.

"Negara-negara membangun telahpun memasuki sektor ini tetapi kepentingan mereka masih sedikit lagi," kata beliau.

Perdana Menteri berkata, dasar-dasar sedunia perlu diperkenalkan untuk memastikan amalan perdagangan antarabangsa serta pasaran yang adil dan saksama, khasnya bagi produk kayu.

Beliau berkata, Malaysia percaya yang aliran merentasi sempadan, peliberalan dan globalisasi perlu menyumbangkan ke arah pengagihan kekayaan yang saksama bagi semua.

"Tindakan unilateral untuk mencapai objektif-objektif ini tidak akan menguntungkan sesiapa kecuali mereka yang mengambil tindakan itu," kata Dr Mahathir.

Dalam menyambut baik keputusan yang dibuat di mesyuarat terakhir Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver untuk meluluskan pemilihan produk, termasuk produk perhutanan bagi langkah-langkah peliberalan awal perdagangan, beliau berkata ini akan memperluaskan lagi pasaran khasnya bagi produk dari negara-negara membangun dalam Apec.

Dalam hal ini, beliau berkata negara-negara maju harus memberikan lebih banyak ruang kepada negara-negara membangun untuk menyesuaikan diri mereka dan untuk memenuhi matlamat mereka secara berkesan sebelum memaksa mereka dengan langkah-langkah peliberalan yang mereka belum bersedia lagi.

Dr Mahathir juga berkata, tindakan menarik semula sekatan terhadap ekport kayu yang tidak diproses bagi meliberalkan perdagangan telah menyebabkan kemerosotan pendapatan bagi negara-negara pengeksport kayu.

Ini kerana mereka kini terpaksa mengeksport, kayu dengan nilai tambah yang rendah untuk mendapatkan pertukaran asing mereka, kata beliau

Dr Mahathir juga menyatakan kekecewaan beliau terhadap tuduhan yang syarikat-syarikat Malaysia sebagai "pemusnah alam sekitar" walaupun di negara-negara yang mereka belum ceburi lagi.

"Yang 50 peratus daripada bumi Malaysia hari ini masih dilitupi hutan membuktikan kecekapan dan langkah-langkah yang diambil oleh

syarikat-syarikat pembalakan dalam menjalankan pembalakkan. Di sebaliknya, beberapa negara maju hampir tiada lagi hutan," kata beliau.

Perdana Menteri juga menyeru negara-negara maju supaya mengulangi dan bertindak menurut komitmen mereka untuk menyediakan sumber-sumber kewangan tambahan dan pemindahan teknologi yang mesra alam ke negara-negara membangun.

Ini bagi membantu pengurusan sumber-sumber hutan di negara-negara membangun selaras dengan komitmen yang dibuat pada Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan PBB (UNCED) 1992 dan selepas itu.

Di samping itu, pengurusan hutan secara berkekalan perlu digalakkan melalui dasar-dasar perdagangan dan alam sekitar yang konstruktif, kata beliau.

Dr Mahathir berkata, Malaysia terus yakin bahawa satu konvensyen perhutanan antarabangsa akan menyediakan rangka kerja perundangan yang perlu bagi memastikan satu mekanisme yang saksama, telus dan komprehensif yang mengimbangkan pengurusan hutan secara berkekalan, biodiversiti dan pertumbuhan ekonomi.

"Konvensyen seperti itu boleh memperbetulkan masalah perundangan yang tidak menentu dan kesukaran untuk membuat ramalan seperti yang dihadapi sekarang ini," kata beliau lagi. -- BERNAMA

ES PR